

Peraturan Pertandingan

Allianz Junior Badminton Championship 2023

1. Nama Pertandingan

- 1.1 Pertandingan ini dikenali sebagai "Allianz Junior Badminton Championship 2023"

2. Peraturan Am

- 2.1 Semua Peraturan Pertandingan ini adalah mengikuti Peraturan Am Persekutuan Badminton Dunia (BWF), melainkan peraturan-peraturan tertentu yang terkandung dalam Peraturan Pertandingan ini yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

3. Had Umur Peserta

- 3.1 Lelaki dan Perempuan 13 tahun (lahir 2010 dan ke atas)
- 3.2 Lelaki dan Perempuan 15 tahun (lahir 2008 dan 2009)
- 3.3 Kiraan Umur adalah pada 1 hari bulan Januari tahun Pertandingan.

4. Jenis Pertandingan

- 4.1 Perseorangan Lelaki - Bawah 13 dan 15 tahun
- 4.2 Perseorangan Perempuan - Bawah 13 dan 15 tahun
- 4.3 Beregu Lelaki - Bawah 13 dan 15 tahun
- 4.4 Beregu Perempuan - Bawah 13 dan 15 tahun

5. Pendaftaran dan Kelayakan Pemain

- 5.1 Seorang pemain dibenarkan mengambil bahagian dalam acara perseorangan atau beregu atau kedua-duanya sekali mengikut kategori umur peserta (maksimum: 2 acara)
- 5.2 Kad pengenalan atau sijil kelahiran hendaklah dibawa bersama semasa pertandingan.
- 5.3 Semua pemain yang mengambil bahagian hendaklah didaftarkan dengan menggunakan laman sesawang www.allianz.com.my/ajbc
- 5.4 Pertukaran pemain dibenarkan sebelum jadual pertandingan dikeluarkan. Pengurus pasukan akan memastikan penggantian pemain adalah mengikut Peraturan Am.
- 5.5 Semua pemain dikehendaki melaporkan diri kepada Referi Kehormat sepuluh (10) minit sebelum sesuatu perlawanan dimulakan.
- 5.6 Kejohanan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia.

- 5.7 Murid yang bersekolah sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah serta sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja layak menyertai pertandingan ini.
- 5.8 Pendaftaran hendaklah sampai ke Urusetia Kejohanan sebelum atau pada Tarikh yang telah ditetapkan bagi setiap kejohanan (rujuk lampiran).
- 5.9 Pemain dari Akademi Badminton Malaysia (ABM) dan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

6. Sistem Pertandingan

- 6.1 Pertandingan dijalankan secara kalah singkir (knock out).
- 6.2 Pengiraan mata adalah mengikut Undang-undang BWF melainkan diputuskan oleh Referi dan Pihak Penganjur.
- 6.3 Keputusan setiap perlawanan di pusingan pertama sehingga suku akhir menggunakan sistem tiga puluh (30) mata, manakala di peringkat separuh akhir dan akhir ditentukan melalui sistem dua puluh satu (21) mata menerusi tiga (3) set terbaik (Best of 3 Sets).
- 6.4 Setiap pemain hanya dibenarkan menyertai satu (1) daripada sepuluh (10) siri Kejohanan yang dipertandingkan sebelum Grand Finals.
- 6.5 Semua pemenang iaitu Johan dan Naib Johan di Pusingan Kelayakan akan layak ke Grand Finals secara merit.
- 6.6 Format pertandingan Grand Finals akan dilangsungkan secara berkumpulan (4 kumpulan) di mana setiap kumpulan mempunyai lima (5) pemain/pasangan.

7. Pakaian

- 7.1 Pemain dibenarkan memakai baju "T" sebarang jenis warna cerah atau baju "T" sekolah serta seluar sebarang jenis warna cerah pada pusingan pertama sehingga suku akhir.
- 7.2 Pemain hendaklah memakai jersi yang disediakan oleh Pihak Penganjur pada peringkat separuh akhir, akhir, majlis penyampaian hadiah dan semasa sesi fotografi.
- 7.3 Pemain tidak boleh memaparkan iklan-iklan yang dilarang.
- 7.4 Pengiklanan adalah mengikut syarat-syarat dan Undang-undang BWF.
- 7.5 Setiap Jurulatih hendaklah berkasut semasa duduk di tempat Jurulatih yang disediakan.

8. Gelanggang dan Peralatan

- 8.1 Mengikut spesifikasi Undang-undang BWF.
- 8.2 Jenama bulu tangkis yang digunakan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pihak Penganjur.

9. Ketepatan Masa

- 9.1 Semua perlawanan adalah mengikut Jadual pertandingan yang ditetapkan kecuali diberitahu oleh Referi Kejohanan atau Pihak Penganjur.
- 9.2 Selepas pengumuman, pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil di gelanggang berkenaan. Pemain yang gagal melaporkan diri dalam masa lima

(5) minit akan dikira kalah dan kemenangan percuma akan diberi kepada pihak lawan.

10. Menerima Nasihat Jurulatih

- 10.1 Pemain boleh menerima nasihat Jurulatih setiap masa rehat, pertukaran petak gelanggang di antara set pertama dan set kedua dalam tempoh masa dua (2) minit.
- 10.2 Nasihat atau tunjuk ajar daripada tepi gelanggang (di bangku Jurulatih) semasa perlawanan adalah dibenarkan apabila bulu tangkis tidak lagi dalam permainan.
- 10.3 Hanya Jurulatih / Pengurus Pasukan boleh berada di tempat khas yang disediakan.

11. Pengadil / Hakim Garis

- 11.1 Pihak Pengelola akan menyediakan Pengadil yang bertauliah.
- 11.2 Keputusan Pengadil adalah muktamad. Seseorang pemain hanya boleh merayu kepada Referi Kejohanan atas undang-undang sahaja.
- 11.3 Pemain boleh keluar untuk minum atau lap peluh dengan kebenaran Pengadil.

12. Penangguhan Perlawanan

- 12.1 Penangguhan perlawanan tidak dibenarkan kecuali diputuskan oleh Referi Kejohanan dan Pihak Penganjur.
- 12.2 Sekiranya ada pemain yang menarik diri atau menyerah kalah semasa pertandingan (kecederaan / sengaja), semua keputusan pertandingan yang dimainkan oleh pemain tersebut akan dibatalkan. Sekiranya pemain itu bermain melebihi dari satu (1) acara, maka kedua-dua acara tersebut akan dibatalkan dan diberikan "walk-over".

13. Bantahan

- 13.1 Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Undang-undang BWF dan Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM).
- 13.2 Bantahan secara lisan dibenarkan tetapi satu (1) surat yang ditandatangani oleh Pengurus Pasukan mesti disampaikan kepada Referi Kejohanan atau Pihak Penganjur dalam masa tiga puluh (30) minit selepas perlawanan tamat, bersama-sama RM300 (tiga ratus ringgit sahaja).
- 13.3 Wang tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan tersebut didapati tidak berasas.

14. Pindaan Dan Hak Jawatankuasa Pengelola

- 14.1 Semua peraturan yang dinyatakan di atas mesti dipatuhi.
- 14.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am dan Peraturan Pertandingan ini akan diputuskan oleh Referi Kejohanan dan Jawatankuasa Penganjur dan keputusan itu adalah muktamad.

15. Kategori Yang Dipertandingkan

Umur	Bawah 13 Tahun	Bawah 15 Tahun
Kategori	Perseorangan Lelaki	Perseorangan Lelaki
	Beregu Lelaki	Beregu Lelaki
	Perseorangan Perempuan	Perseorangan Perempuan
	Beregu Perempuan	Beregu Perempuan

15.1 Kuota setiap Pusingan Kelayakan adalah seperti berikut:

Kategori	Saiz Undian
Bawah 13 Tahun: Perseorangan Lelaki	64
Bawah 13 Tahun: Perseorangan Perempuan	32
Bawah 13 Tahun: Beregu Lelaki	32
Bawah 13 Tahun: Beregu Perempuan	32
Bawah 15 Tahun: Perseorangan Lelaki	64
Bawah 15 Tahun: Perseorangan Perempuan	32
Bawah 15 Tahun: Beregu Lelaki	32
Bawah 15 Tahun: Beregu Perempuan	32

16. Kelayakan Ke Peringkat Akhir Grand Finals

16.1 Semua pemenang di peringkat akhir iaitu Johan dan Naib Johan akan layak ke Grand Finals secara merit.

16.2 Kos peserta yang layak ke Grand Finals akan ditanggung sepenuhnya oleh Pihak Penganjur.

16.3 Jumlah kuota kelayakan pemain adalah ditetapkan seperti berikut:

Perseorangan Lelaki dan Perempuan

[illegible]

*Tambahan dua (2) peserta (wild card) setiap kategori akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal berdasarkan pungutan mata pertandingan dan diberi keutamaan kepada peserta yang layak ke separuh akhir.

Beregu Lelaki dan Perempuan (Pasangan)

[illegible]

17. Peringkat Akhir

17.1 Menggunakan sistem "Round-robin Qualification, Elimination Main Draw"

Perseorangan/Beregu Lelaki dan Perempuan

Sistem	Kategori Umur	Saiz Undian
Round-robin Qualification	Bawah 13	5 peserta / pasangan setiap kumpulan
	Bawah 15	5 peserta / pasangan setiap kumpulan
Elimination Main Draw	Bawah 13	4 peserta / pasangan sistem kalah singkir
	Bawah 15	4 peserta / pasangan sistem kalah singkir

17.2 Semua keputusan mengenai perkara fakta (point of fact) adalah tanggungjawab Pengadil dan keputusannya adalah muktamad.

17.3 Pemain hanya boleh membuat rayuan kepada Referi Kejohanan tentang peraturan-peraturan dan undang-undang permainan sahaja.

18. Tarikh Dan Tempat Kejohanan

Acara	Tempat	Tarikh Kejohanan	Pendaftaran	
			Tarikh Mula	Tarikh Tutup
Pusingan Kelayakan 1	Tops Arena Empire (Cheras, Kuala Lumpur)	7 – 9 Jul	16 Jun	30 Jun
Pusingan Kelayakan 2	Universiti Sains Malaysia (Pulau Pinang)	14 – 16 Jul	16 Jun	7 Jul
Pusingan Kelayakan 3	Dewan YMCA (Ipoh, Perak)	28 – 30 Jul	30 Jun	21 Jul
Pusingan Kelayakan 4	UNIMAS (Kota Samarahan, Sarawak)	4 – 6 Ogo	14 Jul	28 Jul
Pusingan Kelayakan 5	SM Tinggi (Kota Kinabalu, Sabah)	11 – 13 Ogo	21 Jul	4 Ogo
Pusingan Kelayakan 6	Dewan KBA (Alor Setar, Kedah)	8 – 10 Sep	18 Ogo	1 Sep
Pusingan Kelayakan 7	NS Sports (Iskandar Puteri, Johor)	29 Sep – 1 Okt	8 Sep	22 Sep
Pusingan Kelayakan 8	Stadium Negeri (K. Terengganu, Terengganu)	6 – 8 Okt	15 Sep	29 Sep
Pusingan Kelayakan 9	Synergy Sports Centre (Kuantan, Pahang)	20 – 22 Okt	29 Sep	13 Okt
Pusingan Kelayakan 10	NZ Badminton Arena (Port Dickson, N. Sembilan)	3 – 5 Nov	13 Okt	27 Okt
Grand Finals	Stadium Juara Bukit Kiara (Kuala Lumpur)	16 – 19 Nov	-	-

19. Kaedah Pendaftaran

- 19.1 Pendaftaran mesti dilakukan melalui laman web Allianz di www.allianz.com.my/AJBC

20. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- 20.1 En. Akbar – 011-3234 7043
En. Najib – 011-1162 7677